



Rujukan : JH 126. Jld 4 (21)
Tarikh: 19 Ogos 2019

Pengarah Perhutanan Negeri

Johor, Perak, Pahang, Kelantan,
Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor,
Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Melaka
dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengarah Bahagian/ Ketua Unit

Perancangan & Ekonomi Hutan, Pengurusan Hutan,
Ladang Hutan & Perlindungan Hutan,
Silvikultur & Kepelbagai Biologi Hutan
Forest Eco-Park & Taman Negeri, Kejuruteraan Hutan,
Penguatkuasaan Hutan, Latihan Perhutanan,
Perundangan & Pendakwaan, Teknikal & Industri Kayu,
Pengurusan Maklumat dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Khidmat Pengurusan dan Unit Integriti Perhutanan,
Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2019: PERATURAN DAN TATACARA PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2019

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang telah bersidang pada 19 Ogos 2019 telah bersetuju untuk menggunakan Pekeling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bilangan 2 Tahun 2019 iaitu Peraturan Dan Tatacara Pemakaian Pakaian Seragam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2019 seperti yang dilampirkan.

Rujukan : JH 126. Jld 4 (21)

Tarikh: 19 Ogos 2019

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara ini dan pekeliling ini berkuat kuasa pada 19 Ogos 2019.

4. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK BORHANUDIN BIN HJ. ARSHAD)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

s.k. YBhg. Datuk KPPSM
YBhg. Dato' TKP (DP)
YBhg. Dato' TKP (OT)



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2019

PERATURAN DAN TATACARA PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2019

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan dan tatacara pemakaian pakaian seragam baru kepada Pegawai Hutan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemakaian pakaian seragam bagi jawatan Renjer Hutan, Pengawas Hutan, Buruh Hutan/Pekerja Hutan/Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) dan Pemandu Injin Sangkut telah diperkenalkan semenjak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) ditubuhkan iaitu pada tahun 1901.
- 2.2 Mulai tahun 2001, pakaian seragam ini telah disemak semula dan Kerajaan telah bersetuju untuk warna dan reka bentuk pakaian seragam daripada warna khaki ditukar kepada warna hijau tua perhutanan. Pertukaran dan perubahan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan imej Jabatan sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang Perhutanan selain mengambil kira perubahan-perubahan skim perkhidmatan dan gred jawatan.
- 2.3 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah ibu pejabat kepada Jabatan Perhutanan Negeri iaitu agensi yang menguatkuasakan enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Enakmen Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri 1984 (Akta 314). Maka, adalah bertepatan JPSM melaksanakan penyeragaman pemakaian pakaian seragam yang baru bagi semua peringkat jawatan di JPSM. Pemakaian pakaian seragam ini akan meningkatkan lagi imej, integriti dan disiplin semua pegawai JPSM dalam menguatkuasakan undang-undang seterusnya memberikan persepsi yang positif kepada masyarakat.

2.4 Penyeragaman dan penyusunan semula peraturan serta tatacara pemakaian pakaian seragam dari peringkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional dan kumpulan Pelaksana yang berkhidmat di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah wajar dan bertepatan dalam meningkatkan keberkesan pelaksanaan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan hutan di Semenanjung Malaysia.

3. PERATURAN DAN TATACARA PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

3.1. Pemakaian pakaian seragam melibatkan dua (2) jenis pakaian iaitu Pakaian Pejabat dan Pakaian Lapangan bagi lelaki dan wanita mengikut Kumpulan Gred Perjawatan seperti berikut:

- i. JUSA A hingga G29
- ii. G28 hingga G19
- iii. H18 hingga H11

3.2. Peraturan dan tatacara pemakaian pakaian seragam adalah seperti PERATURAN DAN TATACARA PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2019 di Lampiran.

4. BEKALAN

4.1. Pembekalan pakaian seragam JPSM adalah selari dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995: Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam dan Pekeliling KPPSM Bilangan 1 Tahun 2008: Garis Panduan Pembekalan Pakaian Seragam JPSM menyatakan bahawa sebanyak tiga (3) pasang pakaian seragam dibekalkan kepada pegawai yang layak. Kekerapan bekalan pakaian bagi pegawai-pegawai berpakaian seragam adalah seperti berikut:

PAKAIAN PEJABAT	
Kumpulan Gred Perjawatan	Kekerapan Pembekalan
G28 hingga G19	1 pasang setahun
H18 hingga H11	1 pasang setahun
PAKAIAN LAPANGAN	
Kumpulan Gred Perjawatan	Kekerapan Pembekalan
G28 hingga G19	2 pasang setahun
H18 hingga H11	2 pasang setahun

- 4.2. Pekeling ini juga memperkenalkan pembekalan pakaian seragam JPSM untuk Kumpulan Gred Perjawatan JUSA A hingga G29. Kekerapan bekalan pakaian bagi pegawai-pegawai tersebut adalah seperti berikut:

PAKAIAN PEJABAT	
Kumpulan Gred Perjawatan	Kekerapan Pembekalan
JUSA A hingga G29	1 pasang setahun
PAKAIAN LAPANGAN	
Kumpulan Gred Perjawatan	Kekerapan Pembekalan
JUSA A hingga G29	1 pasang setahun (JUSA A hingga G41) 2 pasang setahun (G40 hingga G29)

5. ARAHAN

- 5.1. Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan melalui arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau oleh pihak-pihak berkuasa lain.
- 5.2. Semua pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam dikehendaki memakai pakaian seragam dengan lengkap sepanjang waktu bertugas. Ketidakpatuhan kepada arahan ini boleh diertikan sebagai melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 6(1) peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan kesalahan-kesalahan berkaitan pakaian seragam boleh dianggap sebagai ingkar perintah mengikut peraturan 4(2)(i) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

6. PEMBATALAN

Pekeling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bil. 1/2008: Garis Panduan Pembekalan Pakaian Seragam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertarikh 1 Januari 2008 **dibatalkan**.

7. PEMAKAIAN

Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ini dipanjangkan kepada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri-negeri sebagai satu garis panduan. Walau bagaimanapun, kuantiti bekalan pakaian bagi pegawai-pegawai berpakaian seragam adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.

8. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ini mula berkuatkuasa mulai 19 Ogos 2019.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK BORHANUDIN BIN HJ. ARSHAD)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 19 Ogos 2019

s.k. Semua Pengarah Perhutanan Negeri

 Semua Pengarah Bahagian/Ketua Unit Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan
 Semenanjung Malaysia